

**TINJAUAN NILAI MURNI KBSM DALAM NOVEL KOMSAS
PERINGKAT MENENGAH RENDAH**

NORASLAN BIN NORASIM



**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010**

**TINJAUAN NILAI MURNI KBSM DALAM NOVEL KOMSAS
PERINGKAT MENENGAH RENDAH**

NORASLAN BIN NORASIM

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya nyatakan sumbernya.

27. 04. 2010

NORASLAN BIN NORASIM
20031001029

DECLARATION

I hereby declare that this dissertation is purely my work and was done by myself except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

27. 04. 2010

NORASLAN BIN NORASIM
20031001029

PENGHARGAAN

Tidak dapat saya gambarkan betapa gembira dan bersyukur saya kerana akhirnya dapat menyiapkan disertasi yang begitu berharga dan bermakna kepada diri saya sebagai seorang pendidik. Namun niat dan matlamat murni ini tidak mungkin terjelma tanpa kesejahteraan diri, kekuatan mental dan fizikal serta semangat dan azam yang jitu kurniaan Allah SWT.

Dalam meredah ranjau-ranjau perjalanan demi memperdalam ilmu pengetahuan ini, saya tidak berkeseorangan sebaliknya dikelilingi individu-individu berhati mulia dan insan-insan tersayang yang tanpa putus-putus memberikan sokongan dan dorongan untuk saya terus menggapai puncak yang dicita-citakan. Oleh itu, dengan penuh rasa hormat dan insaf akan kedangkalan diri, saya merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada penyelia saya, Dr. Ab. Rahman bin Ab. Rashid. Saya berasa amat berbangga dan terhutang budi kepada beliau. Bangga kerana sempat berguru dengan beliau ketika beliau menjadi pensyarah di Institut Perguruan Sultan Idris (1990-1992). Waktu itu saya baru mula bertatih untuk mengenali dunia perguruan dan beliau lah yang bertanggungjawab mendidik saya ilmu pedagogi bahasa sehingga tercetusnya minat yang mendalam terhadap bidang ini. Masa berlalu dan takdir menentukan saya kembali ke pangkuan Ibu Kandung Suluh Budiman semula bagi mendalami ilmu pengetahuan pada peringkat sarjana. Sekali lagi saya berpeluang menjadi anak didik beliau apabila berada di bawah seliaan beliau untuk projek disertasi ini. Tiada kata untuk saya gambarkan betapa besarnya budi Dr. Ab. Rahman bin Ab. Rashid kepada saya. Kehadiran beliau setelah 'bergelut' sendirian selama dua semester, akhirnya memberikan sinar yang sungguh bermakna buat diri ini. Setiap kali ditemui dan dihubungi, beliau sentiasa bersedia meluangkan waktu untuk memberikan kata-kata perangsang, tunjuk ajar, bimbingan dan buah fikiran dengan penuh ikhlas, teliti dan prihatin, sehinggalah disertasi ini berjaya dijelmakan.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak MARA kerana telah meluluskan permohonan saya untuk meneruskan pengajian pada peringkat sarjana ini. Dengan kebenaran yang diberikan itu, saya berpeluang untuk mendalami ilmu pengetahuan dalam bidang Bahasa Melayu. Dengan ilmu yang diperolehi, dapatlah saya menyebarkannya kepada rakan-rakan sejawat dan digunakan untuk membimbing anak-anak didik di institusi pendidikan di bawah MARA agar mereka mengenali, menghayati dan mencintai bahasa kebangsaan sendiri.

Turut tidak saya nafikan, sumbangan yang telah dihulurkan oleh pelbagai pihak lain yang turut sama membantu saya menyiapkan kajian ini sepenuhnya. Sekalung budi buat semua pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah mengajarkan dan memperkembangkan ilmu pengetahuan saya dalam pelbagai bidang ilmu, khususnya berkaitan bidang Bahasa Melayu ini. Terima kasih kerana selama kembali ke pangkuan Ibu Kandung Suluh Budiman, kalian telah menyuntik semangat buat diri ini untuk terus istiqamah memperjuangkan kelangsungan martabat dan daulat bahasa ibunda yang tercinta ini. Ucapan penghargaan juga kepada semua institusi dan badan berkaitan yang telah mengizinkan saya mendapatkan sumber-sumber bagi kegunaan kajian ini. Tanpa sumber-sumber tersebut nescaya kajian ini

sukar ubtuk direalisasikan. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat sepengajian yang sama-sama saling mengingatkan dan saling memberikan kata-kata semangat untuk diri ini menggenggam segulung ijazah buat kali kedua.

Selangit budi semesta kasih untukmu ayahandaku Hj. Norasim bin Ramin dan bondaku Hajah Aminah bte Chek. Walau pengajian kalian sekadar darjah biasa tetapi keyakinan dan kepercayaan kalian pada tingginya darjat pendidikan telah menyelamatkan aku daripada kebinasaan akal dan hidup. Celik pandanganmu tentang ilmu telah melorongkan aku untuk bergelar 'guru' dan dengan ilmu yang diperoleh itu pula dapat aku menyelamatkan anak bangsaku sendiri daripada menjadi buta ilmu. Besar sungguh jasa kalian dan tidak mungkin terbalas olehku. Segala keringat dan pengorbanan yang dicurahkan akan kurakam kemas dalam kamus dan diari kehidupanku sehingga hembusan nafasku yang terakhir.

Akhir sekali, sejambak bunga renjana kasih buat dua wanita dalam hidupku, Zuraini Ahmad dan Nadiana M. Jahaya. Walaupun hidup ini tidak semudah yang kita janjikan namun terima kasih tidak terhingga kerana kalian berdua telah menyediakan satu daerah tersendiri dalam diri masing-masing, penuh dengan harga budi dan hati. Kehadiran kalian dalam hidupku amat bermakna sehingga menjadikan semangatku kekal segar untuk terus berjuang dalam bidang pendidikan yang dicintai ini. Untuk putera dan puteri permata hatiku, Nurul Zafirah, Nurul Zawanah, Nurin Zahra, Nafizuddin Zikry dan Nurhani Zahra, semoga usaha ayahanda ini mencetuskan keazaman dan nyalaan api semangat buat kalian menempuh gelombang dan badai dugaan dalam mengejar ilmu pengetahuan yang tiada bertepi. Harapan ayahanda, dengan ilmu pengetahuan yang kalian peroleh, kalian tidak menjadi manusia yang lupa diri sebaliknya menyumbangkan manfaat kepada agama, bangsa dan negara, insya-Allah.

Noraslan bin Hj. Norasim
IKM Sg. Petani, Jalan Badlishah
08000 Sungai Petani
Kedah Darulaman

ABSTRAK

Kajian analisis teks ke atas novel *Kapten Hassan Wira Bangsa (KHWB)* ini dilakukan bagi meninjau dan mengetahui kandungan nilai murni Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diketengahkan di dalamnya. Novel terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tahun 2000 ini ialah hasil karya saudara Harun Johari, seorang penulis tempatan. Setelah melalui prosedur pemilihan oleh ahli jawatankuasa pemilihan yang dilantik Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), novel ini sebulat suara diterima sebagai teks komsas kerana dikatakan sarat dengan nilai murni KBSM. Guru dan pelajar tingkatan 2 di sekolah-sekolah dalam zon utara dikehendaki menggunakan novel ini dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk membuktikan novel *KHWB* yang dipilih ini, sama ada benar-benar menepati kehendak kurikulum nilai murni KBSM atau sebaliknya. Bagi mencapai tujuan tersebut, sebanyak lima soalan berdasarkan objektif kajian telah dibentuk untuk dijawab. Kehendak soalan kajian itu menyentuh bentuk-bentuk medium yang digunakan pengarang sebagai wahana nilai, medium yang paling dominan menyalurkan nilai, jenis nilai-nilai murni KBSM yang dibawakan oleh medium yang dikesan, aspek nilai murni KBSM yang ditonjolkan dan tidak ditonjolkan serta jurang perbezaan antaranya dalam bentuk kekerapan dan peratus. Bacaan ke atas novel *KHWB* telah dilakukan secara berulang-ulang dan data-data berkaitan kehendak kajian telah dikumpulkan dan dicatatkan dengan menggunakan lima boring kajian dan satu senarai semak nilai murni KBSM yang dibentuk bagi kegunaan kajian ini. Kesemua data yang diperoleh kemudiannya dianalisis berpandukan soalan-soalan kajian dan dihuraikan secara perbincangan. Pada akhirnya, keputusan analisis ke atas data-data itu memperlihatkan status sebenar novel *KHWB*, sama ada layak atau tidak diterima sebagai novel komsas bagi kegunaan para pelajar peringkat menengah rendah. Penulisan kajian ini meliputi tiga bab. Bab satu menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Bab dua memperlihatkan sorotan kajian yang telah dilakukan bagi memperoleh sumber dan maklumat yang dapat menyokong kajian ini. Sorotan tersebut menyentuh aspek Kurikulum Baharu Bahasa Melayu Sekolah Menengah (*edisi semakan*), komsas dalam Kurikulum Bahasa Melayu, nilai murni dalam pendidikan, teori-teori nilai, bahan sastera sebagai alat pendidikan nilai, penerapan nilai melalui komsas dan kajian-kajian terdahulu tentang fungsi kesusasteraan sebagai sarana nilai dalam pendidikan. Bab tiga mempersembahkan metodologi kajian yang digunakan, meliputi reka bentuk kajian, kaedah analisis data, sampel kajian, instrumen kajian dan prosedur pengumpulan dan penganalisan data. Semoga usaha yang setitik daripada selautan ilmu ini diterima sebagai satu usaha permulaan untuk membantu pihak-pihak yang terbabit dengan pelaksanaan komsas di sekolah-sekolah; menilai keberkesanan penggunaan novel komsas sedia ada sekarang demi memastikan fungsinya terus relevan sebagai pelaksana agenda nilai berteraskan Falsafah Pendidikan Negara.

ABSTRACT

This text analysis study focused on the novel *Kapten Hassan Wira Bangsa (KHWB)* to survey and identify the value content in Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). This novel is published by Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) in 2000 and penned by Harun Johari, a local author. It was chosen by a committee appointed by Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) after serious procedural selection as a text for literature component as it is filled with KBSM values. This novel is a compulsory for teachers and Form 2 students in schools in the northern zone as a part of Bahasa Melayu teaching and learning support. The main purpose of this study is to prove whether *KHWB* really suits the values in KBSM or otherwise. In reaching that purpose 5 research questions based on study objective are formed. The research questions touch on the form of medium in the novel forming as value channel, the kind of KBSM values carried by the identified medium, the highlighted and unhighlighted values aspect in KBSM and the differences between the two aspects analysed in frequency and percentage. Readings on *KHWB* were done repeatedly and the data relevant to the study were gathered and recorded into 5 study forms and KBSM values checklist prepared for the study. The data gathered then were analysed based on research questions and extended through discussion. The analysis then would form a conclusion on whether *KHWB* qualify as a reading text for lower secondary Bahasa Melayu literature component or not. This study covers 3 chapters. Chapter 1 describes research background, statement of problem, research objective, research question, significance of research, research limitation and definition of terminologies used in the research. Chapter 2 traces other sources that have helped support this study. Among the things studied are the aspect of Kurikulum Baharu Bahasa Melayu Sekolah Menengah (revised edition), literature component in the curriculum, values in education, values theories, literature material as a tool for value education, values absorption through literature component and past researches on the function of literature as a vehicle for values in education. Chapter 3 displays research methodology used, covering research framework, method of data analysis, research sample, research instrument and data collection procedures and data analysis. It is my hope that this effort could help improve the implementation of literature component to ensure that it is still relevant as an agent to the National Education Philosophy.

KANDUNGAN**Muka Surat**

PENAKUAN	ii
<i>DECLARATION</i>	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
<i>ABSTRACT</i>	vii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Kepentingan Kajian	15
1.7	Batasan Kajian	20
1.8	Definisi Istilah	21
1.8.1	Nilai Murni	21
1.8.2	KBSM	23
1.8.3	Novel	24
1.8.4	Komsas	25
1.9	Rumusan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah	29
	(edisi semakan)	

2.2.1	Perubahan dalam Kandungan kurikulum	30
2.2.2	Kandungan Kurikulum Yang dikekalkan	33
2.2.3	Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan	34
	Pelajaran (edisi Semakan)	
2.3	Komsas dalam Kurikulum Baharu Bahasa Melayu	38
2.3.1	Rasional dan Falsafah	40
2.3.2	Matlamat Pengajaran Komsas	41
2.3.3	Objektif Pengajaran dan Pembelajaran Komsas	42
2.3.4	Komsas Merentas Kurikulum	43
2.3.5	Batas Pengajaran dan Pembelajaran Komsas	44
2.3.6	Komsas dalam Konteks Sukatan Pelajaran	46
	Bahasa Melayu	
2.4	Nilai Murni dalam Pendidikan	51
2.4.1	Falsafah dan Matlamat Pembelajaran Nilai	53
2.4.2	Nilai Murni Merentas Kurikulum	60
2.4.3	Komponen Nilai dalam Bahasa Melayu KBSM	62
2.5	Teori Nilai	65
2.5.1	Teori Sosialisasi	65
2.5.2	Teori Perkembangan Moral dan Etika	66
2.6	Bahan Sastera Sebagai Alat Pendidikan Nilai	69
2.6.1	Teori Sentimen Moral	69
2.6.2	Teori Takmilah	71
2.6.3	Teori Pendidikan Estetik	77
	2.6.3.1 Membaca	
	2.6.3.2 Memahami	

	2.6.3.3 Mentafsir	
	2.6.3.4 Menikmati	
2.7	Kajian-Kajian Terdahulu	88
2.7.1	Kajian oleh Sarjana Luar Negara	88
2.7.2	Kajian oleh Sarjana Tempatan	92
2.8	Kesimpulan	97
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	99
3.2	Reka Bentuk Kajian	100
3.3	Kaedah Analisis Data	101
3.4	Sampel Kajian	103
3.5	Instrumen kajian	105
3.6	Prosedur Pengumpulan dan Penganalisan Data	107
3.7	Rumusan	111
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	113
4.2	Dapatan Kajian	114
4.2.1	Apakah medium dalam teks kajian yang berfungsi sebagai penyalur aspek nilai kepada para pelajar?	115
4.2.2	Apakah jenis nilai-nilai murni KBSM yang dibawa oleh medium (ayat-ayat) yang dikesan itu?	126

4.2.3 Apakah nilai murni KBSM yang ditonjolkan dan 132

tidak ditonjolkan oleh penulis dalam karyanya?

4.2.3.1 Nilai Murni Utama

4.2.3.2 Subnilai Murni

4.2.4 Adakah perbandingan kekerapan dan peratusan 141

antara nilai murni utama KBSM yang
ditonjolkan dengan yang tidak ditonjolkan
mencatatkan jurang perbezaan yang sangat luas?

4.2.5 Layak atau tidak, novel KHWB dijadikan teks 143

komsas bagi tujuan penyaluran nilai murni
KBSM kepada pelajar menengah rendah?

4.3 Kesimpulan 146

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 148

5.2 Nilai dan Hubungannya dengan Novel Komsas 149

5.3 Novel Komsas dan Hubungannya dengan Para Pelajar 151

5.3.1 Karya Novel dari Sudut Penerapan Akhlak 153

5.3.2 Karya Novel Sebagai Sarana Moral 158

5.4 Kewajaran *KHWB* Sebagai Teks Komsas dan 162
Penyalur Nilai

5.5 Cadangan Kajian 165

5.5.1 Membina dan Melestarikan Hubungan 166
Pengarang dengan Pihak PPK

5.5.2	Mewujudkan Mekanisme untuk Memahami dan Penulis Buku-buku Rujukan Komsas Tentang Kandungan Kurikulum Nilai Murni KBSM	169
5.5.3	Seminar Penghayatan dan Pengajaran Komsas Secara Berkesan Kepada Guru Bahasa Melayu	172
5.6	Cadangan untuk Kajian Selanjutnya	174
5.7	Penutup	177
RUJUKAN		179
LAMPIRAN		
	Lampiran A	187
	Lampiran B	188
	Lampiran C	192
	Lampiran D	232
	Lampiran E	271
	Lampiran F	276
	Lampiran G	277

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Perubahan dalam Matlamat Kurikulum Bahasa Melayu	30
2.2 Perubahan dalam Objektif Sukatan Pelajaran	31
2.3 Perubahan dalam Bidang Penggunaan Bahasa	32
2.4 Perubahan dalam Kemahiran Bahasa	33
2.5 Perubahan dalam Hasil Pembelajaran	33
2.6 Keperluan dan Fungsi Penggunaan Bahasa dalam Bidang Interpersonal	35
2.7 Keperluan dan Fungsi Penggunaan Bahasa dalam Bidang Maklumat	35
2.8 Keperluan dan Fungsi Penggunaan Bahasa dalam Bidang Estetik	36
2.9 Pecahan bagi HPU 10.0	36
2.10 Pecahan bagi HPU 11.0	37
2.11 Pecahan bagi HPU 12.0	37
2.12 Perbezaan Skop Pengajaran antara Komsas dengan Kesusasteraan Melayu (Elektif)	44
2.13 Perbezaan dari Sudut Watak dan Perwatakan	45
2.14 Perbezaan dari Sudut Nilai-nilai Murni	45
2.15 Perbezaan dari Sudut Persoalan	45
2.16 Perbezaan dari Sudut Gaya Bahasa	46
2.17 Perbezaan dari Sudut Plot	46

2.18	Penekanan Aspek Komsas dalam HPU 10.0	49
2.19	Penekanan Aspek Komsas dalam HPU 11.0	49
2.20	Penekanan Aspek Komsas dalam HPU 12.0	50
4.1	Kandungan Umum Teks Komsas KHWB	115
4.2	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 1	118
4.3	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 2	119
4.4	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 3	119
4.5	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 4	120
4.6	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 5	120
4.7	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 6	120
4.8	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 7	120
4.9	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 8	121
4.10	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 9	121
4.11	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 10	121
4.12	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 11	122
4.13	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 12	122
4.14	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 13	122
4.15	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 14	123
4.16	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 15	123
4.17	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 16	123
4.18	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 17	123
4.19	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 18	124
4.20	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 19	124
4.21	Ayat-ayat Mengandungi Nilai KBSM dalam Bab 20	124

4.22	Kuantiti Ayat Mengandungi Nilai Murni KBSM dalam Keseluruhan Teks Kajian	125
4.23	Nilai Murni Utama dan Subnilai dalam Ayat-ayat Terpilih	127
4.24	Kekerapan Nilai Murni Utama dalam Keseluruhan Teks	133
4.25	Kekerapan Subnilai Murni dalam Keseluruhan Teks	134
4.26	Perbandingan antara Nilai Murni Utama Yang ditonjolkan dengan Yang Tidak ditonjolkan dalam Teks Kajian	141
4.27	Perbandingan antara Subnilai Murni Yang ditonjolkan dengan Yang Tidak ditonjolkan dalam Teks Kajian	142

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Tahap-tahap Sistem Kerohanian dan Budi Pekerti Manusia	55
2.2 Rumusan Prinsip-prinsip bagi Teori Takmilah	76

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Majoriti sarjana bersependapat bahawa kesusasteraan mempunyai peranan yang sangat besar terhadap pembangunan insan dan negara. Kesusasteraan merupakan ilmu yang dinamik yang boleh mengubah corak pemikiran masyarakat. Dengan mempelajarinya sebagai salah satu disiplin ilmu, kesusasteraan mampu menjana minda dan mengubah manusia daripada bersifat jahil kepada berpengetahuan dan daripada bersifat daif kepada bersifat istimewa (Rahmah Bujang, 1991 : 93). Walaupun sesetengah karya sastera bercorak fiksyen, namun kandungannya ada yang mengetengahkan fakta sebenar yang boleh diterima. Yang perlu bagi pembaca ialah mencari dan mengutip segala mutiara yang tersembunyi dalam karya sastera yang dinikmati. Secara hakikatnya, sastera lebih banyak menawarkan pengetahuan bagi keperluan spiritual, bukannya menawarkan keperluan material.

Pengajaran ilmu kesusasteraan kepada generasi muda dalam sesebuah negara, tidak harus dipandang rendah dan dianggap sebagai subjek kelas kedua. Hal yang demikian kerana dalam membentuk generasi yang bersifat seimbang, holistik, berminda saintifik dan berjiwa mapan, peranan sastera sebagai pengasuh etik dan nilai tidak mungkin dapat dipinggirkan atau disangkalkan. Darwin sendiri (Hoggart, 1968 : 235) pernah melahirkan kekesalannya kerana menafikan aspek emosi sebelum ini.

My mind seems to have become a kind of machine for grinding general laws out of large collection of facts ... if I had to live my life again, I would have made a rule to read some poetry and listen to some music at least once every week; for perhaps the parts of my brain now atrophied would thus have been kept alive through use. The lose of this taste is a loss of happiness, and may possibly be injurious to the intellect, and more probably to the moral character, by enfeebling the emotional part of our nature.

Kekesalan Hoggart ini lantaran beliau tidak menyedari bahawa aspek emosi dalaman mempunyai kaitan yang rapat dengan ilmu pengetahuan yang ditawarkan oleh ilmu kesusasteraan. Beliau akhirnya mengakui bahawa karya sastera boleh berfungsi sebagai penyaring kehidupan manusia dan memandu manusia untuk membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Selanjutnya ilmu yang diterapkan itu boleh membantu mengawal emosi diri kerana manusia dapat belajar untuk memahami diri sendiri hasil daripada pengalaman orang lain. Dalam segala tindak-tanduk atau perlakuan, manusia dapat melihat hidup ini menerusi perspektif yang seimbang. Justeru secara umumnya, ilmu kesusasteraan banyak membantu mendidik nilai-nilai kemanusiaan dalam diri individu. Memahami akan falsafah ini, kesusasteraan sewajarnya dijadikan sebagai salah mata pelajaran yang bukan

sahaja mesti diajarkan pada peringkat sekolah malahan juga di institusi pengajian tinggi.

Ilmu kesusasteraan juga dianggap sebagai “dunia nilai-nilai”. Anggapan tersebut lahir lantaran sifatnya yang sentiasa bersabit dengan keunggulan moral dan sifat-sifat kemanusiaan yang terpuji. Mempelajari ilmu kesusasteraan bererti kita mendukung satu usaha untuk melahirkan generasi yang bersepadu, bukannya manusia serpihan yang perkembangan dirinya disempitkan oleh keperluan utilitarian atau kebendaan semata-mata. Pada zaman primitif sekalipun sastera sudah dianggap lebih penting daripada sebarang bentuk alatan (*tools*). Lihat sahaja penggunaan mantera yang diciptakan kala zaman itu. Bentuknya memenuhi sifat dan ciri sebagai sebuah hasil karya kesusasteraan. Namun mantera yang digunakan pada waktu itu lebih berfungsi sebagai senjata lisan yang mampu melemahkan dan menundukkan musuh sama ada manusia, binatang, hatta kuasa-kuasa ghaib. Mentelah lagi, mantera pada zaman itu mempunyai fungsi yang sangat pragmatik dan lebih ekonomikal sifatnya berbanding penggunaan objek sebagai senjata.

Karya sastera berupaya membicarakan semua aspek kehidupan manusia baik dari sudut politik, moral, falsafah, agama, sosiologi mahupun sejarah. Sastera membuka ruang pengalaman seluas-luasnya dengan menyediakan pengalaman manusia daripada pelbagai budaya dan pelbagai zaman. Setiap karya sastera boleh menambah pengalaman individu, seolah-olah mereka mengalami peristiwa yang dialami oleh watak-watak dalam dunia cereka yang dibaca, di samping mengalami pengalaman pengarangnya juga. Kenyataan yang sama turut ditegaskan oleh Hoggart (1968 : 226):

Without the full literary witness, a student of society will be blind to the fullness of a society's life.

Lantaran itu, hasil karya sastera seharusnya dinikmati dan dihayati oleh setiap generasi. Interaksi antara karya sastera dengan pembaca akan membawa makna kehidupan setelah diadun dengan pengetahuan serta pengalaman sedia ada khalayak sastera. Menyedari betapa besarnya impak positif yang mampu disumbangkan oleh sastera dalam dunia pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan komponen sastera (komsas) sebagai salah satu elemen yang wajib dipelajari oleh para pelajar dalam *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Komsas diyakini dapat membantu hasrat KPM untuk melahirkan warganegara yang berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan dapat memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga dan negara.

Matlamat Pendidikan Kesusasteraan Melayu adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar menjiwai unsur-unsur dan nilai-nilai murni dari segi kerohanian, keimanan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan, menanam rasa bangga dan cinta akan tanah air dalam satu wawasan kebudayaan yang dihasratkan dan menimbangkan perlakuan dan sahsiah yang berkesan sebagai anggota masyarakat. Pendidikan Kesusasteraan Melayu juga bertujuan menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan kesusasteraan dengan berfikir secara analitis, kritis dan kreatif dan memupuk perubahan cita rasa sastera.

(KPM 1991 : 1)

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada awalnya pembelajaran unsur sastera bagi pelajar-pelajar sekolah mula diberikan penekanan dalam *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah* pada tahun

1987 sebagai unsur sastera. Namun dalam Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Kementerian Pelajaran Malaysia pada 3 Februari 1999, Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia telah meminta Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) untuk membuat persediaan bagi memasukkan subjek Kesusasteraan Melayu sebagai satu komponen wajib dalam pengajaran Bahasa Melayu peringkat menengah. Pelajar-pelajar sama ada dalam jurusan sains atau sastera dikehendaki mempelajari komsas dan akan diuji dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), (PPK 1999).

Selepas daripada mesyuarat itu, satu lagi mesyuarat susulan diadakan pada 10 Mac 1999. Mesyuarat kali ini memutuskan pelaksanaan pengajaran Kesusasteraan Melayu dan Kesusasteraan Inggeris perlu dijalankan lebih awal di sekolah-sekolah mulai tahun 2001. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengkaji dan mengenal pasti genre-genre sastera yang sesuai dijadikan teks bacaan di sekolah. Hasilnya komsas telah menjadi sebahagian ilmu yang wajib dipelajari oleh para pelajar melalui pengajaran subjek Bahasa Melayu. Bahan sastera yang digunakan meliputi novel, cerpen, cerita klasik, drama, sajak, puisi lama dan bahasa berirama. (Surat Pekeliling Ikhtisas 2000). Pengajaran unsur sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu pula, telah diberikan peruntukan sebanyak satu waktu dalam seminggu (*Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM 2001* : 18). Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) kemudiannya telah dikehendaki menyediakan satu bentuk pentaksiran baharu dengan memasukkan komponen kesusasteraan Melayu dalam kertas Bahasa Melayu PMR pada tahun 2002 dan SPM pada tahun 2001 (Modul Pengajaran dan Pembelajaran Komsas PPK 2004 : 1).

Akhirnya pada tahun 2002, pembelajaran sastera telah diperkukuh melalui pengenalan komsas dalam *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Edisi Penyesuaian)*. Pelaksanaan komsas di sekolah dijalankan secara berperingkat-peringkat mulai Mac 2000 bagi murid tingkatan satu dan empat, tahun 2001 bagi tingkatan dua dan lima, dan tahun 2002 bagi tingkatan tiga. Dengan terlaksananya elemen komsas ini, semua pelajar daripada tingkatan satu sehingga tingkatan lima diberikan pendedahan asas mengenai sastera Melayu (KPM 2001).

Pada tahun 2003 kurikulum Bahasa Melayu telah disemak sekali lagi. Beberapa pengubahsuaian dan unsur terbaru dalam pendidikan diintegrasikan dalam kandungan kurikulum ini. Kurikulum yang baharu ini terus mengekalkan komsas dengan komsas kini wujud dalam struktur dan kerangka yang sedikit berbeza. Perubahan struktur dan kerangka komsas telah dilakukan bagi menghapuskan kekeliruan para pelajar dan guru terhadap perbezaan antara komsas dengan sastera tulen. Secara tidak langsung, pelaksanaan komsas ini dapat memartabatkan kesusasteraan Melayu secara lebih meluas dalam kalangan pelajar sama ada di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak (Ab. Rahman Ab. Rashid, 2002 : 2)

Walaupun komsas dan sastera tulen diwujudkan dalam kerangka yang berbeza, hakikatnya bahasa itu masih tidak dipisahkan daripada kesusasteraan. Bak kata cerdik pandai, bahasa ibarat pedang, sastera pula kilaunya. Pepatah pula mengatakan bahawa sesungguhnya 'Bahasa itu Jiwa Bangsa'. Tanpa bahasa, sastera akan mati dan tanpa sastera, bahasa akan menjadi hambar dan tidak bernyawa. Awang Sariyan dan Mohd Thani (1985 : 5) dalam menjelaskan sembiosis antara sastera dan bahasa menyatakan bahawa :

Sastera, baik yang tertulis mahupun lisan mempunyai peranan yang besar dalam pertumbuhan bahasa. Jika bahasa sering diungkapkan sebagai alat untuk menghasilkan sastera, maka sastera dapat dikatakan sebagai wadah yang memungkinkan bahasa terus berkembang, maju dan terus hidup.

Dengan kata lainnya, sifat sastera dan bahasa adalah saling melengkapi dan amat berwibawa untuk menjayakan hasrat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa pengantar dan bahasa rasmi di Malaysia. Sastera dapat membantu perkembangan bahasa Melayu kerana sifatnya itu sendiri dibina melalui proses pemilihan, pemadatan dan pemajmukan bahasa. Bahasa yang digunakan dalam sastera pula bersifat retorik, emotif, metaforik, polisemi dan seumpamanya lagi. Maka dengan itu, karya sastera selalunya dapat menggambarkan sesuatu peristiwa dan perasaan melalui pemerian bahasa (Fadzilah Hj Amzah, 2002 : 151). Jika unsur sastera ini digunakan secara terancang dalam pengajaran Bahasa Melayu, nescaya para para pelajar akan dapat memperkaya perbendaharaan kata serta meningkatkan kemahiran berbahasa dan cara berkomunikasi mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan novel komsas sebagai bahan sokongan pembelajaran telah diperkenalkan dalam *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu* Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sebagai strategi serampang dua mata. Novel komsas bukan sahaja digunakan untuk membantu para pelajar membaiki dan mengindahkan aspek kemahiran berbahasa bahkan jua menjadi bahan sokongan yang diharapkan dapat menerapkan nilai-nilai murni KBSM sebagai mutiara teladan dan pengajaran. Fungsi komsas sebagai bahan pendidikan dalam membangunkan aspek berkaitan nilai